

Kestabilan negara, keharmonian kaum

17 JUL 2001

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang genap 20 tahun menjadi Perdana Menteri hari ini, berkata pencapaian paling besar Malaysia sepanjang tempoh itu ialah keupayaan kerajaan memelihara kestabilan dan keharmonian kaum.

Beliau juga menegaskan, sebarang keputusan yang dilakukannya sepanjang tempoh 20 tahun lalu hanyalah untuk kepentingan negara.

“Saya berpendapat pencapaian paling besar untuk Malaysia, bukan untuk saya, ialah keupayaan memelihara kestabilan dan keharmonian kaum. Jika anda melihat negara lain yang juga pelbagai kaum, sangat sedikit yang berupaya mencapai kestabilan.

“Kebanyakan mereka tidak dapat membangun disebabkan perbezaan di kalangan kaum yang berbeza. Tetapi di Malaysia, kita masih hidup bersama, bekerja bersama,

bermain bersama.

"Saya berpendapat kita ada perbezaan tetapi kita menyelesaikan perbezaan itu di meja rundingan," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan di Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di Hotel Nikko, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, sepanjang 20 tahun lalu, beliau mungkin melakukan beberapa kesilapan tetapi tidak menyesal dengan keputusan yang sudah dibuatnya walaupun ia mungkin amat tidak popular dan menyebabkannya kehilangan sokongan.

"Tetapi saya percaya saya melakukan semua ini bagi kepentingan negara, bukan untuk diri saya," katanya.

Pagi ini, Dr Mahathir yang dilantik Perdana Menteri pada 16 Julai 1981 ekoran peletakan jawatan Allahyarham Tun Hussein Onn kerana masalah kesihatan, menerima ucapan tahniah daripada kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Mereka berbaris di depan kediaman rasminya, Seri Perdana di Putrajaya pada jam

8 pagi untuk mengucapkan tahniah sebelum Dr Mahathir memulakan tugasnya hari ini iaitu mempengerusikan mesyuarat pramajlis sidang Dewan Rakyat di Parlimen.

Di Parlimen, Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) meraikan Dr Mahathir dengan kek dan pulut kuning. Apabila kembali ke pejabatnya di Putrajaya pada jam 2.30 petang ini, kira-kira 200 kakitangan JPM turut menghadiahkan kek pulut kuning kepada Dr Mahathir.

Majlis itu turut diserikan dengan bacaan

sajak bertajuk 'Mahathir' oleh Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Wahab sebelum diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Ahmad Rosli Ahmad Mokhtar, salah seorang imam Masjid Putrajaya.

Berikut ialah soal jawab antara wartawan dengan Dr Mahathir mengenai ulang tahun ke-20nya sebagai Perdana Menteri selepas Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 hari ini:

Wartawan: Pertama sekali, saya (RTM) bagi pihak rakan-rakan media nak ucapkan

tahniah sempena 20 tahun Datuk Seri menyanggah jawatan sebagai Perdana Menteri. Selain daripada Wawasan 2020 yang sudah disasarkan, apakah harapan Datuk Seri kepada masa depan Malaysia?

Dr Mahathir: Saya harap Malaysia terus stabil dan dapat tumbuh dengan pesatnya. Saya harap juga Malaysia akan terus bebas, tidak dikuasai oleh mana-mana pihak melainkan orang Malaysia sendiri.

LHAT MUKA 2

Mahathir harap Malaysia terus maju

DARI MUKA 1

Wartawan: Apa perasaan Datuk Seri hari ini?

Dr Mahathir: Hari ini? Tak tahu... kalau you tak peringat, saya pun terlupalah. Kerana kalau you bercakap sangat pasal 20 tahun ini, orang nanti perasan lama sangat.

Wartawan: Tahniah sekali lagi. Berapa tahun lagi Datuk Seri akan menjadi Perdana Menteri?

Dr Mahathir: Saya berharap akan dapat bersara sebaik sahaja saya dibenarkan bersara. Buat masa sekarang, saya tidak sepatutnya menyebut perkara ini, kerana ia memberi kesan buruk pada pasaran... mungkin harga saham akan naik jika saya bersara, saya tidak tahu, tetapi mereka kata ia mungkin akan jatuh.

Wartawan: Apakah pencapaian yang tertinggi sekali Datuk Seri rasa sepanjang menjadi Perdana Menteri 20 tahun lalu?

Dr Mahathir: Saya berpendapat pencapaian paling besar untuk Malaysia, bukan untuk saya, untuk Malaysia ialah keupayaan memelihara kestabilan dan keharmonian kaum.

Jika anda melihat negara lain yang juga pelbagai kaum, sangat sedikit yang berupaya mencapai kestabilan. Kebanyakan mereka tidak dapat membangun disebabkan perbezaan di kalangan kaum yang berbeza.

Tetapi di Malaysia, kita masih hidup bersama, bekerja bersama, bermain bersama dan saya berpendapat kita ada perbezaan tetapi kita menye-

lesaikan perbezaan itu di meja rundingan.

Itu adalah sesuatu yang diusahakan dulu oleh parti Perikatan pada mulanya tetapi kini diterima, malah oleh pembangkang. Ini kerana sekarang ini pun, pembangkang memutuskan bahawa mereka harus bekerjasama di antara kaum yang berlainan. Maka, ia penyakit berjangkit (gelak).

Wartawan: Apa lagi yang Datuk Seri nak selesaikan, untuk tahun-tahun akan datang?

Dr Mahathir: Tak berapa banyak... saya berpendapat cukuplah.

Wartawan: Apakah perkara yang dikesali sepanjang menjadi Perdana Menteri 20 tahun lalu?

Dr Mahathir: Saya tidak ada masa untuk berfikir mengenai keke-

salan. Saya berpendapat, saya mungkin melakukan beberapa kesilapan.

Ya... tetapi saya tidak boleh kesal dengan keputusan yang sudah saya buat walaupun ia mungkin amat tidak popular dan menyebabkan saya kehilangan sokongan. Tetapi saya percaya saya melakukan semua ini bagi kepentingan negara, bukan untuk diri saya, kerana saya akan pergi jua, saya tidak boleh kekal selamanya.

Wartawan: Adakah ada calon untuk jawatan Menteri Kewangan?

Dr Mahathir: (secara berseloroh) saya sudah mencari... (tetapi) masih tidak ada pemohon. Ada yang memohon, sebenarnya sudah memohon tetapi saya belum memberi pertimbangan lagi.